

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Maktab perguruan yang paling lama sejarahnya di Malaysia ialah Maktab Perguruan Tanjung Malim yang ditubuhkan pada tahun 1922 dan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka yang ditubuhkan pada tahun 1935 (Khoo et. al., 1978). Kini bilangan maktab perguruan telah bertambah menjadi sebanyak 27 buah untuk melatih lebih ramai guru sejajar dengan peningkatan bilangan sekolah rendah dan menengah di Malaysia (Md. Sood, 1988).

Kursus latihan di maktab perguruan adalah selama lima semester. Kursus lima semester di maktab perguruan boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu teori dan amalan. Kurikulum di maktab perguruan meliputi aspek ikhtisas, kefasihan bahasa, perkembangan diri, aspek akademik, aktiviti kurikulum dan latihan mengajar. Kursus lima semester di maktab perguruan dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah yang bertauliah untuk menyediakan guru pelatih iaitu supaya mereka menjadi guru yang dapat melaksanakan kurikulum di sekolah dengan cekap dan berkesan.

Penghargaan tinggi telah diberikan kepada sumbangan para pensyarah maktab tetapi tidak banyak maklumat diperolehi tentang ciri-ciri tingkah laku dan sifat-sifat mereka yang penting untuk mengembangkan dan mempertingkatkan profesionalisme keguruan.

## 1.2 Penyataan Masalah

Kurikulum perguruan asas telah diubahsuaikan pada tahun 1979 (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Tujuan kurikulum asas ini ialah untuk memastikan bahawa semua guru pelatih pada akhir lima semester mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas untuk menjadi guru yang cekap. Guru pelatih harus memajukan diri dan mencari ilmu seumur hidup dan berupaya terus mengembangkan dan mempertingkatkan profesionalisme keguruannya. Mereka juga hendaklah mempunyai nilai-nilai murni serta sikap positif.

Kurikulum maktab yang menyeluruh sahaja tidak memadai jika pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas perguruan tidak mempunyai sikap dan nilai yang diingini. Pensyarah-pensyarah yang ideal dan berkebolehan mengendalikan proses pembelajaran-pengajaran serta menjadi model adalah penting untuk membimbing dan menggerakkan para guru pelatih. Oleh itu pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan bukan sahaja mesti mempunyai kelayakan akademik yang sesuai tetapi juga ciri-ciri positif yang boleh diteladani oleh guru-guru pelatih.

Satu kajian rintis awal (lihat Lampiran 1) yang telah dilakukan oleh penyelidik di salah sebuah maktab perguruan menunjukkan bahawa terdapat rungutan di kalangan guru pelatih tentang tingkah laku sesetengah pensyarah mereka di maktab perguruan. Kajian rintis ini telah dijalankan di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Seramai 10 orang guru pelatih telah menjawab satu soal selidik tentang masalah yang dihadapi oleh guru pelatih tentang para pensyarah mereka. Hasilnya 6 orang daripada 10 orang guru pelatih telah mengutarakan rasa

tidak puas hati mereka tentang ciri-ciri sesetengah pensyarah mereka. Perkara-perkara yang diadukan oleh guru-guru pelatih termasuk...

- a) pensyarah berkenaan bertugas hanya untuk membekalkan ilmu kepada guru pelatih semata-mata untuk membolehkan mereka lulus peperiksaan,
- b) penyampaian sesetengah kuliah pensyarah di bilik kuliah adalah membosankan,
- c) sesetengah pensyarah kurang cekap dari segi pengurusan bilik kuliah,
- d) sesetengah pensyarah kurang mahir mengendalikan aktiviti dan tugas kerja kursus,  
dan
- e) sesetengah pensyarah memperlihat sifat-sifat peribadi yang tidak diingini.

Maka adalah dirasakan bahawa satu penyiasatan persepsi guru pelatih terhadap ciri pensyarah yang ideal perlu dijalankan. Guru-guru pelatih berbeza-beza dari segi latar belakang dan pengalaman. Perbezaan latar belakang dan pengalaman ini akan mempengaruhi persepsi mereka. Walaupun sudah ada kajian yang dilakukan oleh Koh et. al. (1991) terhadap tanggapan guru pelatih terhadap pensyarah mereka di universiti, dan oleh Shahrir et. al. (1992) tentang persepsi murid-murid terhadap guru sekolah, tetapi setakat ini kurang kajian yang dilakukan tentang persepsi guru-guru pelatih terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal di maktab perguruan.

Kajian ini akan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak-pihak berkenaan, khasnya para pensyarah di maktab perguruan. Maklumat ini boleh menolong para pensyarah menyelami pendapat dan keperluan guru pelatih dan di samping itu dapat pula membantu para pensyarah dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pengajaran mereka di maktab perguruan.

### 1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru pelatih di sebuah maktab perguruan terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal. Kajian ini menyiasat pandangan tentang ciri-ciri guru pelatih terhadap aspek-aspek berikut...

- a) penyampaian kuliah,
- b) pengurusan bilik kuliah,
- c) pengendalian aktiviti dan tugas kerja kursus,
- d) sifat-sifat peribadi, dan
- e) hubungan pensyarah dengan guru pelatih.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan guru-guru pelatih di maktab perguruan tentang apa yang mereka harapkan daripada pensyarah-pensyarah mereka.

Khususnya, kajian ini adalah untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut...

- a) Pada pandangan guru pelatih, apakah cara penyampaian kuliah yang ideal?
- b) Apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pensyarah dalam pengurusan bilik kuliah supaya pengajaran-pemelajaran dapat berjalan dengan berkesan?
- c) Mengikut persepsi guru pelatih apakah jenis aktiviti dan jenis tugas kerja kursus yang patut dikendalikan oleh pensyarah?
- d) Apakah sifat-sifat peribadi pensyarah yang disukai oleh guru pelatih?
- e) Apakah bentuk hubungan antara guru pelatih dengan pensyarah yang diingini di dalam dan di luar bilik kuliah?

Kajian ini juga ingin menjawab soalan-soalan lain seperti di bawah...:

- f) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap ciri pensyarah yang ideal antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan?

Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pensyarah yang ideal antara guru pelatih jurusan sains dengan guru pelatih jurusan sastera?

Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pensyarah yang ideal antara guru pelatih berkelayakan S.P.M. dengan guru pelatih berkelayakan S.T.P.M./diploma?

#### 4 Definisi Operasional

##### **Persepsi**

Dalam kajian ini, persepsi menurut Teuku Iskandar (1989), adalah "gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan melalui pancaindera, tanggapan, kekuatan imaginasi..." (Kamus Dewan, 1989)

##### **Pensyarah**

Pensyarah ialah pengajar di maktab perguruan dan mereka mengajar melalui syaranan, seminar atau teknik tutorial. Mereka terdiri daripada kakitangan profesional dan mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman mengajar selama lima tahun di sekolah sebelum mereka boleh dilantik sebagai pensyarah di maktab perguruan.

##### **Guru Pelatih**

Sekumpulan guru pelatih lelaki dan perempuan yang sedang menjalani latihan perguruan di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur ketika kajian ini dijalankan. Mereka terdiri dari tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Kelayakan

akademik mereka adalah Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (S.T.P.M). Mereka sedang mengikuti jurusan sains atau jurusan sastera.

### i) Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal

Tingkah laku atau/dan sikap pensyarah yang diingini dalam aspek penyampaian syaranan di bilik kuliah, pengurusan bilik kuliah, pengendalian aktiviti dan tugasam kursus di dalam dan di luar bilik kuliah serta hubungan pensyarah dengan guru pelatih.

## 1.5 Pentingnya Kajian

Banyak kajian telah dijalankan tentang ciri-ciri guru sekolah yang ideal. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian dilakukan secara mendalam tentang ciri-ciri pensyarah maktab perguruan yang ideal. Satu kajian yang bersifat sistematik tentang fenomena ini akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang ciri-ciri pensyarah yang ideal daripada persepsi guru pelatih.

Dapatan daripada kajian ini berguna kepada para pendidik, guru dan mereka yang terlibat dalam proses pendidikan guru.

### 1.5.1 Pensyarah Maktab Perguruan

Dapatan kajian ini memberi maklumat kepada pensyarah di maktab perguruan tentang perkara-perkara yang diharapkan oleh guru pelatih daripada mereka. Ini dapa

memberi gambaran tentang ciri-ciri yang patut ada pada seseorang pensyarah agar mereka boleh memperbaiki diri.

Pemahaman tentang ciri-ciri pensyarah yang ideal ini membolehkan pensyarah menjadi lebih peka terhadap keperluan dan harapan guru pelatih. Akibatnya strategi pengajaran dan pemelajaran yang lebih efektif boleh diwujudkan mengikut keperluan guru pelatih.

#### **1.5.2      Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pendidikan**

Dapatan-dapatan kajian ini berguna kepada pembuat dasar kerana dapat membantu mereka memahami dengan lebih mendalam ciri-ciri pensyarah yang ideal dari sudut pandangan guru pelatih. Tujuan Bahagian Latihan Guru adalah untuk menghasilkan guru-guru yang cekap dan mahir serta bernilai moral yang tinggi. Cita-cita ini akan menjadi kenyataan hanya jika pensyarah-pensyarah maktab perguruan yang dilantik mempunyai ciri-ciri yang diharapkan.

#### **1.6      Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan hanya di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Sampel ini tidak boleh mewakili keseluruhan populasi guru pelatih di Malaysia. Justeru itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru pelatih maktab perguruan di Malaysia.